



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - KHAMIS, 16 JANUARI 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>BANTU MASYARAKAT TANGANI GANGGUAN SEKSUAL</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2025/01/bantu-masyarakat-tangani-gangguan-seksual/">https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2025/01/bantu-masyarakat-tangani-gangguan-seksual/</a>	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>NEED FOR DEDICATED, FREE, 24-HOUR CHILD HELPLINE</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://thesun.my/opinion-news/need-for-dedicated-free-24-hour-child-helpline-NF13523358">https://thesun.my/opinion-news/need-for-dedicated-free-24-hour-child-helpline-NF13523358</a>	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>PLAK KHAS BANTU IBU BAPA KENAL PASTI TASKA BERDAFTAR</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/707294/edisi/selangor-kl/plak-khas-bantu-ibu-bapa-kenal-pasti-taska-berdaftar">https://www.sinarharian.com.my/article/707294/edisi/selangor-kl/plak-khas-bantu-ibu-bapa-kenal-pasti-taska-berdaftar</a>	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>LURUAN MONSUN HINGGA AHAD, PENDUDUK DIMINTA BERJAGA-JAGA</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1176937/luruan-monsoon-hingga-ahad-penduduk-diminta-berjaga-jaga">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1176937/luruan-monsoon-hingga-ahad-penduduk-diminta-berjaga-jaga</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://selangorjournal.my/2025/01/floods-minister-urges-caution-as-monsoon-surge-begins/">https://selangorjournal.my/2025/01/floods-minister-urges-caution-as-monsoon-surge-begins/</a>	SELANGORJOURNAL.MY	
	<a href="https://theedgemalaysia.com/node/741140">https://theedgemalaysia.com/node/741140</a>	THEEDGEMALAYSIA.COM	
	<a href="https://themalaysianreserve.com/2025/01/15/johor-sabah-and-sarawak-brace-for-potential-flooding/">https://themalaysianreserve.com/2025/01/15/johor-sabah-and-sarawak-brace-for-potential-flooding/</a>	THEMALAYSIANRESERVE.COM	
	<a href="https://www.suarakeadilan.my/post/luruan-mosun-penduduk-mersing-pengerang-hadapi-kemungkinan-banjir">https://www.suarakeadilan.my/post/luruan-mosun-penduduk-mersing-pengerang-hadapi-kemungkinan-banjir</a>	SUARAKEADILAN.MY	
	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/monsoon-surge-be-vigilant-about-metmalaysia-s-forecast-till-jan-19-fahmi-HF13526364">https://thesun.my/malaysia-news/monsoon-surge-be-vigilant-about-metmalaysia-s-forecast-till-jan-19-fahmi-HF13526364</a>	THESUN.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1161412/flood-alert-johor-sabah-and-sarawak-due-monsoon-surge">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1161412/flood-alert-johor-sabah-and-sarawak-due-monsoon-surge</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/15/relevant-ministries-agencies-told-to-be-prepared-for-expected-monsoon-surge-says-fahmi">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/15/relevant-ministries-agencies-told-to-be-prepared-for-expected-monsoon-surge-says-fahmi</a>	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>SKUAD KASIH SAYANG, SOCIAL WELFARE DEPT REACH OUT TO UNDERPRIVILEGED FAMILIES IN KPG DAGANG NIAH</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.theborneopost.com/2025/01/15/skuad-kasih-sayang-social-welfare-dept-reach-out-to-underprivileged-families-in-kpg-dagang-niah/">https://www.theborneopost.com/2025/01/15/skuad-kasih-sayang-social-welfare-dept-reach-out-to-underprivileged-families-in-kpg-dagang-niah/</a>	THEBORNEOPOST.COM	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/15/sks-jkm-santuni-empat-keluarga-di-kampung-dagang">https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/15/sks-jkm-santuni-empat-keluarga-di-kampung-dagang</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>BAYI 9 BULAN MAUT PENDARAHAN DALAM OTAK, PENGASUH DITAHAN</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177035/bayi-9-bulan-maut-pendarahan-dalam-otak-pengasuh-ditahan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177035/bayi-9-bulan-maut-pendarahan-dalam-otak-pengasuh-ditahan</a>	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>BAYI ALAMI PENDARAHAN KEPALA SELEPAS MANDI DI RUMAH PENGASUH</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/bayi-alami-pendarahan-kepala-selepas-mandi-di-rumah-pengasuh/">https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/bayi-alami-pendarahan-kepala-selepas-mandi-di-rumah-pengasuh/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1176893/polis-siasat-bayi-alami-pendarahan-akibat-sawan-di-rumah-pengasuh">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1176893/polis-siasat-bayi-alami-pendarahan-akibat-sawan-di-rumah-pengasuh</a>	HMETRO.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/polis-siasat-bayi-alami-endarahan-di-kepala-akibat-sawan-di-rumah-pengasuh/">https://www.buletintv3.my/nasional/polis-siasat-bayi-alami-endarahan-di-kepala-akibat-sawan-di-rumah-pengasuh/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1161550/babysitter-detained-following-death-nine-month-old-baby">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1161550/babysitter-detained-following-death-nine-month-old-baby</a>	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>SUAMI PUKUL ISTERI KERANA BERANG DITUDUH MABUK</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/suami-pukul-isteri-kerana-berang-dituduh-mabuk/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/suami-pukul-isteri-kerana-berang-dituduh-mabuk/</a>	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	<b>WANITA CEDERA DIPUKUL, DITENDANG SUAMI KERANA CEBURU</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/wanita-cedera-dipukul-ditendang-suami-kerana-ceburu/">https://www.buletintv3.my/jenayah/wanita-cedera-dipukul-ditendang-suami-kerana-ceburu/</a>	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	<b>WARGA ASING 'UMPAN' RM1 SEBELUM DIDAKWA CABUL BUDAK DI SURAU</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1349507/warga-asing-umpan-rm1-sebelum-didakwa-cabul-budak-di-surau">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1349507/warga-asing-umpan-rm1-sebelum-didakwa-cabul-budak-di-surau</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1176802/lelaki-india-didakwa-mahkamah-buat-benda-tak-senonoh-di-surau">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1176802/lelaki-india-didakwa-mahkamah-buat-benda-tak-senonoh-di-surau</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/warga-india-dituduh-cabul-2-kanak-kanak-perempuan-di-surau/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/warga-india-dituduh-cabul-2-kanak-kanak-perempuan-di-surau/</a>	BULETINTV3.MY	



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



16/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
11	<b>GURU DIDAKWA CABUL DUA PELAJAR LELAKI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/01/15/guru-didakwa-cabul-dua-pelajar-lelaki/">https://www.kosmo.com.my/2025/01/15/guru-didakwa-cabul-dua-pelajar-lelaki/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/707316/berita/semasa/cikgu-fuad-didakwa-raba-dua-pelajar-lelaki">https://www.sinarharian.com.my/article/707316/berita/semasa/cikgu-fuad-didakwa-raba-dua-pelajar-lelaki</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/01/15/guru-didakwa-5-tuduhan-amang-seksual-fizikal-pelajar/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/01/15/guru-didakwa-5-tuduhan-amang-seksual-fizikal-pelajar/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/01/15/guru-lelaki-didakwa-5-tuduhan-amang-seksual-terhadap-dua-pelajar/">https://malaysiagazette.com/2025/01/15/guru-lelaki-didakwa-5-tuduhan-amang-seksual-terhadap-dua-pelajar/</a>	MALAYSIGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/guru-didakwa-cabul-dua-pelajar-lelaki/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/guru-didakwa-cabul-dua-pelajar-lelaki/</a>	UTUSAN.COM.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN  
KHAMIS, 16 JANUARI 2025




# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

### PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



### PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Luruan monsun hingga Ahad, penduduk diminta berjaga-jaga	8
Polis siasat bayi alami pendarahan akibat sawan di rumah pengasuh	4
Cikgu Fuad didakwa raba dua pelajar lelaki	5


TAJUK BERITA UTAMA

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
<u>Bayi 9 bulan maut pendarahan dalam otak, pengasuh ditahan</u>	2
<u>Guru tadika cedera di leher dibelasah suaminya selepas menuduh wanita itu berlalu curang di kediaman mereka di Jalan Ampang Mewah,</u>	2
<u>Bayi lelaki berusia dua bulan mengalami pendarahan di kepala selepas diserang sawan ketika dimandikan di rumah pengasuh di Puchong,.</u>	3

TAJUK TOPIK UTAMA



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL

### FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik



Most used in current period			Popularity change	Popularity score	Most used in previous period			Popularity score
1	kanak kanak	-29.9% ↓	100	1	kanak kanak	100	100	
2	kuala lumpur	-10.7% ↓	75	2	media sosial	60	60	
3	warga emas	-20.0% ↓	64	3	kuala lumpur	59	59	
4	media sosial	-28.3% ↓	61	4	warga emas	56	56	
5	berita terkini	-21.0% ↓	52	5	berita terkini	46	46	

### HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.



Most used in current period			Popularity change	Popularity score	Most used in previous period			Popularity score
1	#awani745	-13.8% ↓	100	1	#awani745	100	100	
2	#sinarplus	46.2% ↑	76	2	#malaysiagazette	73	73	
3	#buletintv3	20.0% ↑	72	3	#buletintv3	52	52	
4	#lifestylesinarharian	33.3% ↑	64	4	#mgflash	52	52	
5	#awani745	NEW	52	5	#sinarplus	45	45	


# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

### METRIK UTAMA




### LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



**Net sentiment**  
This is **-3** points compared to the previous period.

**Analyzed 942 mentions**


- 274 with positive sentiment
- 245 with neutral sentiment
- 423 with negative sentiment



**Mostly negative**  
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

### SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- Luruan monsun hingga Ahad, penduduk diminta berjaga-jaga
- Polis siasat bayi alami pendarahan akibat sawan di rumah pengasuh
- Cikgu Fuad didakwa raba dua pelajar lelaki



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

### TOPIK UTAMA

#### SUAMI PUKUL ISTERI KERANA BERANG DITUDUH MABUK

##### LIPUTAN BERITA

- o AMPANG JAYA: Seorang guru tadika mengalami pendarahan di kepala selepas dipukul suaminya dalam satu insiden keganasan rumah tangga pada 12 Januari lalu di Jalan Ampang Mewah, di sini.
- o Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd. Azam Ismail berkata, mangsa yang berusia 38 tahun membuat laporan polis pada hari yang sama kira-kira pukul 10.30 malam selepas suaminya bertindak ganas akibat selepas dituduh mabuk.
- o “Kejadian berlaku apabila suspek menuduh isterinya mempunyai hubungan dengan lelaki lain sebelum bertindak memukul bahagian belakang badan mangsa, menendangnya dan mengacukan pisau.
- o “Perkara itu turut disaksikan oleh anak mereka. Pemeriksaan perubatan mendapati mangsa mengalami kecederaan tisu lembut di bahagian leher,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.
- o Menurut Mohd. Azam, polis berjaya menahan suspek pada semalam sekitar pukul 10.30 malam di lokasi sama kejadian berlaku.
- o “Saringan ujian air kencing mendapati suspek negatif daripada sebarang penyalahgunaan dadah dan semakan rekod mendapati dia tidak mempunyai rekod jenayah lampau,” katanya.

### CADANGAN

Menyediakan program sokongan untuk isteri dan wanita bagi meningkatkan keyakinan diri dan keupayaan menghadapi konflik rumah tangga. Menawarkan latihan kemahiran bagi wanita yang memerlukan sokongan ekonomi untuk keluar dari hubungan yang toksik. Pendekatan ini boleh membantu mengurangkan kes keganasan rumah tangga dan melindungi mangsa dengan lebih berkesan.

### TINDAKAN

- KPWKM
- JKM
- LPPKN

### Suami pukul isteri kerana berang dituduh mabuk



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Bantu masyarakat tangani gangguan seksual



PELUANG kolaborasi dengan rakan strategik perlu diperluaskan agar dapat meningkatkan usaha pencegahan dan kesedaran gangguan seksual dalam komuniti secara keseluruhan.

Oleh Meja Rencana 15 Januari 2025, 9:00 am

SEHINGGA Disember tahun lalu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menerima sebanyak 28 aduan gangguan seksual yang telah difailkan di Tribunal Bagi Antigangguan Seksual (TAGS).

Daripada 28 aduan difailkan itu, sebanyak 10 aduan telah selesai didengar dan diberikan keputusannya.

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula menerima sebanyak 506 kes gangguan seksual pada 2021 dan sedikit penurunan pada 2022, iaitu kepada 488 kes.

Walaupun bagaimanapun bilangan kes meningkat semula kepada 529 kes pada 2023 dan 666 kes pada 2024 (sehingga Oktober). Jumlah kes yang dilaporkan ini melibatkan lelaki dan wanita.

Yayasan Kebajikan Negara (YKN) menyediakan kaunter perkhidmatan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang merupakan pusat rujukan khusus kepada kumpulan sasar KPWK seperti wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Menerusi kaunter ini, komuniti setempat berpeluang untuk mendapatkan perkhidmatan psikososial yang holistik di satu tempat. Inisiatif ini juga membolehkan komuniti mengemukakan aduan sekali gus memudahkan akses secara terus kepada pelbagai jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh KPWK dan rakan strategik YKN melalui aplikasi MyPSSS.

Perkhidmatan kaunseling secara bersemuka turut ditawarkan kepada pihak yang berkaitan. Diharapkan ia akan mendekatkan warga kementerian dengan komuniti tempatan selain turut membuka lebih banyak peluang kerjasama dengan rakan strategik agar dapat meningkatkan usaha pencegahan dan meningkatkan kesedaran gangguan seksual dalam komuniti secara keseluruhannya. -UTUSAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Need for dedicated, free, 24-hour child helpline

Datuk Dr Amar-Singh HSS and  
Datin PH Wong

15-01-2025 08:27 AM



*Pix for representational purpose only - FREEPIK*

**DEDICATED** child helplines are invaluable, providing children with a safe, non-judgemental space to speak with trained counsellors about their concerns and a wide range of issues.

Critically, child helplines offer a lifeline to abused children seeking help and rescue. Trained call counsellors can also offer guidance on a range of issues, including family problems, peer relationships and mental health. In addition, these helplines collect valuable data that can inform policy and improve practices.

The 15999 Childline, launched in 2010 by the Women, Family and Community Development Ministry with support from the Childline Foundation Malaysia, was the country's first free, 24-hour helpline for children. Staffed by trained professionals, it was originally known as the Talian Nur hotline.

In 2015, the Talian Nur hotline was expanded and rebranded as Talian Kasih, broadening its scope to include issues such as abuse, domestic violence, juvenile problems, poverty, support for single mothers, individuals with disabilities, welfare assistance and counselling services.

A notable feature of the current Talian Kasih is its WhatsApp number, which allows individuals who are deaf to express their concerns. However, while Talian Kasih serves an important role, its broad scope may dilute the support available for children. A non-dedicated helpline leads to a higher call-volume, staff requiring training and potentially less effective support for children.

Suhakam and the Child Rights Coalition Malaysia have previously called for the restoration of the Talian Nur child helpline to ensure children's safety. In response to the lack of a dedicated child helpline, other civil society organisations, such as Buddy Bear Childline, have launched their own helplines for children and young people.

To improve the quality of civil service helplines, we should establish two separate lines: one for general welfare and adult issues, and another dedicated solely to children. The child and teenage helpline should be staffed by trained professionals with experience in addressing psychosocial issues, including child abuse.

The helpline should have multilingual staff to serve all regions. It must be child and teenager-friendly, with the capacity to respond swiftly to urgent situations involving violence. Collaboration between the Welfare Department and civil society organisations, under the Child Act 2001, would ensure effective support nationwide.

The dedicated, free, 24-hour child helpline must be widely advertised across all media and educational institutions to ensure children are aware of the service.

Children, especially boys, may take time to express serious concerns, often calling multiple times before speaking up. "Drop calls" should not be dismissed as pranks but treated with seriousness.

A dedicated helpline for children should undergo regular, transparent audits by an external team to assess service quality, responsiveness, staff capability, children's awareness and feedback from users.

**Datuk Dr Amar-Singh HSS**

**Consultant Paediatrician**

**Child-Disability Activist**

**Datin PH Wong**

**Childline Foundation**

**Co-Secretariat Child Rights Coalition Malaysia**

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Plak khas bantu ibu bapa kenal pasti taska berdaftar

 NORAFIZA JAAFAR [Follow](#)

15 Januari 2025 01:57pm



Anfaal (tiga dari kiri) menziarahi keluarga yang kehilangan bayi berusia empat bulan meninggal dunia di sebuah taska tidak berdaftar dalam kejadian 3 Januari lalu.

KUALA LANGAT - Kerajaan negeri mencadangkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mewajibkan setiap taska mempamerkan sijil berdaftar di premis masing-masing.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari berkata, pengenalan plak khusus bagi tujuan itu dapat memudahkan ibu bapa mengenal pasti taska yang sah.

Menurutnya, cadangan itu diusulkan bagi mengelak tragedi bayi berusia empat bulan meninggal dunia di taska tidak berdaftar dalam kejadian 3 Januari lalu tidak berulang.

"Kesedaran mengenai kewujudan taska tidak berdaftar perlu dipertingkatkan selain memohon orang ramai melaporkan kewujudan taska sebegini.

"Kami turut mencadangkan agar pengusaha taska menjalani latihan keselamatan, termasuk menyediakan kit AED (defibrilator luaran automatik) untuk kecemasan," katanya menerusi kenyataan.

Pada Jumaat, Anfaal mengadakan ziarah kepada keluarga bayi berkenaan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Michelle Ng serta pegawai JKM.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan, kematian bayi lelaki itu dilaporkan seorang doktor pada jam 3.29 petang, 3 Januari lalu.

Bayi itu dibawa ke klinik oleh pengasuh taska berkenaan dalam keadaan pucat serta didapati kebiruan pada bahagian bibir dan kaki.

Kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Anfaal berkata, di peringkat kerajaan negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Penambahbaikan Perkhidmatan Penjagaan (JKPPP).

"Jawatankuasa ini untuk menyelaras pendaftaran taska dan mempercepat proses tersebut.

"Saya berharap dengan langkah-langkah yang akan diambil ini, kita dapat memastikan keselamatan dan kesejahteraan anak-anak kita di masa hadapan," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PENDUDUK SELATAN SEMENANJUNG DIMINTA SIAP SIAGA HADAPI BANJIR

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 JAN 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

## Penduduk selatan Semenanjung diminta siap siaga hadapi banjir

Luruan monsun dijangka sehingga Ahad ini turut babitkan Sabah dan Sarawak

Oleh Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Penduduk di selatan Semenanjung, khususnya Mersing dan Pengerang di Johor serta Sabah dan Sarawak diminta bersiap siaga dengan kemungkinan banjir susulan luruan monsun yang dijangka berlaku

sehingga Ahad ini.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, seperti amaran dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi sebelum ini, luruan monsun itu dijangka mengakibatkan hujan lebat, sekali gus membawa kemungkinan banjir di kawasan tertentu.

"Pagi tadi (semalam) mesyuarat Jemaah Menteri diingatkan mengenai amaran luruan monsun yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi dan ini akan berkuatkuasa sehingga 19 Januari (Ahad ini).

"Tiga lokasi sudah diberi amaran huluan monsun termasuk di selatan Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

"Peringatan kepada warga di Johor, terutama di sekitar Mer-

sing, Pengerang (di Kota Tinggi) diminta berhati-hati, juga di Sarawak dan Sabah supaya bersiap sedia dengan menghadapi kemungkinan berlaku banjir akibat luruan monsun," katanya pada sidang media di kementeriannya di sini, semalam.

**Sentiasa buat persiapan**

Pada peringkat agensi kerajaan, Fahmi berkata, persiapan sentiasa dibuat bagi memastikan tindakan segera diambil khususnya oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sekiranya banjir menjejaskan beberapa kawasan.

"NADMA sentiasa bersedia dan bagi kementerian dan agensi yang menguruskan (termasuk) JKM (Jabatan Kebajikan Masya-

rakat), APM (Angkatan Pertahanan Awam) serta MCMC (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) untuk komunikasi, kita sudah minta berada pada kesiapsiagaan tinggi," katanya.

Menyentuh Kepengerusan ASEAN, Fahmi berkata, acara pertama akan bermula Sabtu dan Ahad ini, iaitu Pemukiman Menteri Luar ASEAN di Langkawi, Kedah.

"Ini mesyuarat pertama yang mana BERNAMA dan RTM akan bertugas sebagai media rasmi. Ini sudah pasti satu kebanggaan kita sebagai hos (ASEAN)," katanya turut menjelaskan Kepengerusan ASEAN tahun ini memberi peluang buat Malaysia mempromosikan Tahun Melawat

Malaysia 2026.

Menyentuh isu Projek Penggantian Aerotrain di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), beliau berkata, perkara itu dalam pemantauan Kementerian Pengangkutan, namun kerajaan berharap ia dapat beroperasi secepat mungkin.

"Beberapa kemudahan termasuk pengangkutan khusus untuk delegasi rasmi disediakan dari pintu kapal terbang dan laluan khas. Ini kemudahan disediakan kepada delegasi ASEAN.

"Saya lihat dari segi itu tidak ada masalah yang begitu besar, malah kita berikan kemudahan lebih. Sementara Tahun Melawat Malaysia 2026, sudah pasti kemudahan itu akan sedia menjelang tahun ini," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MANGSA BAH BERKURANG, TINGGAL 12 PPS BEROPERASI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JAN 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

## Mangsa bah berkurang, tinggal 12 PPS beroperasi

**Johor Bahru:** Mangsa banjir di Johor terus berkurang kepada 1,097 orang pagi semalam berbanding 1,860 orang mangsa dicatatkan jam 4 petang kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Tan Sri Dr Azmi Rohani berkata, pusat pemindahan sementara (PPS) yang masih beroperasi juga berkurang kepada 12 PPS sahaja.

“Setakat pagi ini (semalam), daerah Kluang men-

catatkan peningkatan jumlah mangsa banjir paling tinggi membabitkan 415 mangsa daripada 128 keluarga yang berlindung di PPS.

“Daerah Pontian juga masih mencatat jumlah mangsa banjir kedua tertinggi membabitkan seramai 354 mangsa (97 keluarga) di lima PPS yang masih beroperasi,” katanya semalam.

Azmi yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri Johor

berkata, Kota Tinggi yang sebelum ini paling terjejas, semakin pulih apabila jumlah mangsa banjir terus berkurangan kepada 275 orang (88 keluarga) pada jam 8 pagi semalam, berbanding 1,016 orang (289 keluarga) petang kelmarin.

Katanya, hanya tinggal tiga PPS masih dibuka di Kota Tinggi.

Menurut beliau, di Johor Bahru pula, kekal seramai 53 mangsa daripada 16 ke-

luarga yang berada di sebuah PPS.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) tidak mengeluarkan sebarang amaran ribut petir di mana-mana daerah di negeri ini, namun terdapat amaran hujan berterusan tahap waspada di Kluang, Mersing, Pontian, Kulai, Kota Tinggi dan Johor Bahru yang dijangka berlaku pada Jumaat hingga Ahad ini.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Skuad Kasih Sayang, Social Welfare Dept reach out to underprivileged families in Kpg Dagang Niah

BY JACQUELINE RAPHAEL ON JANUARY 15, 2025, WEDNESDAY AT 8:57 PM

SARAWAK



Rosey (seated, right), along with SKS and JKM members, in a group photo with one of the assisted families.

MIRI (Jan 15): Four underprivileged families in Kampung Dagang, Sepupok, Niah received a visit from Skuad Kasih Sayang (SKS) Bekenu and the Social Welfare Department (JKM) on Tuesday.

The initiative was organised by SKS Bekenu, through the special programme known as 'Program Ziarah'.

Deputy Minister of Women, Family, Welfare, Community Wellbeing and Childhood Development Datuk Rosey Yunus led the programme, accompanied by two JKM Miri officers.

Also participating in the programme were Penghulu Wan Fauzi, community leaders, and SKS Bekenu members.

According to Rosey, the annual programme involves members of the Women's Wing of the Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Bekenu Branch, led by Councillor Hadijah Sheikh Kassim.

"This SKS squad is actively caring for the welfare of the rural community, especially in villages and longhouses in the Bekenu area.

"The visit this time focused on four families in need of attention, including senior citizens and a bedridden patient," she said.

She also disclosed that the collaboration with JKM helps facilitate the application process for welfare assistance for the eligible senior citizens and families.

"For those facing health problems, especially bedridden patients, we help them get assistance such as the Kenyalang Gold Card (KGC) and other available assistance," she added.

The four families involved in the programme were Rosni Mesin, Wahap Jepon, Lani Daut, and Rosinah Mamid, each facing various challenges due to health factors.

"This visit reflects the commitment of SKS Bekenu and JKM in ensuring that the welfare of the rural community continues to receive attention," said Rosey.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	FATIMAH: SEJAMBAK KASIH PROGRAMME FOSTERS UNITY, LOVE, TOGETHERNESS IN COMMUNITY		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	16 JAN 2025	M/SURAT :	05
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Fatimah: Sejambak Kasih programme fosters unity, love, togetherness in community

**MUKAH:** The Sejambak Kasih programme holds great importance, especially in fostering the spirit of unity, love and togetherness in the community, said Dato Sri Fatimah Abdullah.

The Minister of Women, Childhood and Community Wellbeing Development said the programme carried out during festive seasons aims at providing assistance to the needy, strengthening the spirit of belonging and cultivating values of gratitude and concern.

Speaking at the Dalat 2025 Chinese New Year Sejambak Kasih event at the Foochow Association Hall in Mukah yesterday, she said the programme had contributed to inclusiveness and social well-being among the community.



Fatimah (fourth left) and guests pose with the recipients.

Attendees received cash worth RM100 and a hamper valued at RM80 each. For those who

couldn't attend, the RM100 will be credited to their accounts. "The total number of Chinese

New Year recipients in Sarawak is 8,835 out of 56,004 Sarawak Welfare Department (JKMS) aid

recipients. The number of JKMS aid recipients from the Mukah Division is 52 people," she said.

Fatimah said from January to December 2024, JKMS disbursed RM258,491,300 to 56,044 monthly aid recipients in Sarawak, an increase from RM254,927,850 for 56,169 recipients in 2023.

Notably, the aid for the elderly has been increased from RM500 to RM600, while children's aid has risen from RM200 to RM250 for those aged six years and below, and from RM150 to RM200 for those aged seven to 18 years, effective Jan 1 this year.

"For Mukah Division, JKMS disbursed RM21,567,200 to 4,345 recipients from January to December 2024, an increase from RM20,644,550 for 4,282 recipients during the same period in 2023," she added.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Bayi 9 bulan maut pendarahan dalam otak, pengasuh ditahan

Wartawan Harian Metro  
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Johor Bahru: Pengasuh wanita ditahan polis selepas bayi lelaki berusia sembilan bulan maut akibat pendarahan dalam kepala dan luka di mulut semalam.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, bayi itu disahkan meninggal dunia pada jam 3.30 petang semalam ketika menerima rawatan di Hospital Sultan Ismail (HSI), di sini.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati tiada sebarang kesan kecederaan fizikal.

"Bagaimanapun pemeriksaan di bahagian dalam mulut dapati terdapat kesan luka yang disyaki diakibatkan oleh suatu objek yang tidak dapat dipastikan.

"Pendarahan yang banyak pada otak mangsa berkemungkinan akibat oleh kekurangan oksigen dan terpaksa bergantung kepada alat bantuan pernafasan sepenuhnya ketika menerima rawatan," katanya kepada Harian Metro malam ini.

Beliau berkata, susulan kematian bayi itu, pengasuhnya ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 31 (1) Akta Kanak-Kanak 2001.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Bayi alami pendarahan kepala selepas mandi di rumah pengasuh



Oleh AIDIEL ZABIDI 15 Januari 2025, 4:37 pm

PETALING JAYA: Seorang bayi lelaki berusia dua bulan dilaporkan mengalami pendarahan di kepala akibat diserang sawan ketika berada di rumah pengasuh di sini, kelmarin.

Ketika kejadian, bayi berkenaan sedang dimandikan oleh pengasuhnya di sinki sebelum mula menangis sehingga diserang sawan.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, bapa mangsa menerima panggilan daripada pengasuh memaklumkan anaknya tidak berhenti menangis sebelum terkena sawan.

"Bapa bayi tersebut yang berusia 28 tahun bergegas ke rumah pengasuh sebelum membawa mangsa ke Hospital Cyberjaya untuk rawatan segera.

"Hasil pemeriksaan di hospital mendapati terdapat pendarahan pada bahagian kepala mangsa. Mangsa kini ditempatkan di zon merah untuk rawatan lanjut," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, siasatan awal mendapati bayi tersebut dihantar ke rumah pengasuh itu sejak dua bulan lalu bersama abangnya.

Bayi itu dikatakan dalam keadaan baik semasa dihantar ke rumah pengasuh berkenaan.

"Sebelum itu, bayi tersebut ditidurkan di buaian yang disediakan di bilik bayi. Sekitar pukul 9.30 pagi, pengasuh memandikan mangsa di sinki di dalam bilik tersebut selepas bayi itu bangun dari tidur.

"Bagaimanapun, mangsa mula menangis tanpa henti sebelum diserang sawan," katanya.

Kes kini disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan setakat ini tiada sebarang tangkapan dilakukan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Suami pukul isteri kerana berang dituduh mabuk



Oleh AIDIEL ZABIDI 15 Januari 2025, 8:43 pm

AMPANG JAYA: Seorang guru tadika mengalami pendarahan di kepala selepas dipukul suaminya dalam satu insiden keganasan rumah tangga pada 12 Januari lalu di Jalan Ampang Mewah, di sini.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd. Azam Ismail berkata, mangsa yang berusia 38 tahun membuat laporan polis pada hari yang sama kira-kira pukul 10.30 malam selepas suaminya bertindak ganas akibat selepas dituduh mabuk.

"Kejadian berlaku apabila suspek menuduh isterinya mempunyai hubungan dengan lelaki lain sebelum bertindak memukul bahagian belakang badan mangsa, menendangnya dan mengacukan pisau.

"Perkara itu turut disaksikan oleh anak mereka. Pemeriksaan perubatan mendapati mangsa mengalami kecederaan tisu lembut di bahagian leher," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Mohd. Azam, polis berjaya menahan suspek pada semalam sekitar pukul 10.30 malam di lokasi sama kejadian berlaku.

"Saringan ujian air kencing mendapati suspek negatif daripada sebarang penyalahgunaan dadah dan semakan rekod mendapati dia tidak mempunyai rekod jenayah lampau," katanya.

Menurutnya, suspek kini direman selama tiga hari sehingga 17 Januari untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja mendatangkan kecederaan dan Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana ugutan jenayah.

"Jika sabit kesalahan, Seksyen 323 membawa hukuman penjara sehingga satu tahun atau denda atau kedua-duanya, manakala Seksyen 506 memperuntukkan hukuman penjara maksimum tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya," katanya. – [UTUSAN](#)

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Wanita cedera dipukul, ditendang suami kerana cemburu

🕒 15 Januari 2025, 9:58pm



Foto hiasan

**KUALA LUMPUR:** Seorang guru tadika cedera dipukul dan ditendang suaminya sendiri di sebuah pangsapuri di Jalan Ampang Mewah, Ampang dekat sini, disyaki akibat cemburu.

Kejadian berlaku kira-kira jam 10.30 malam kelmarin ketika mangsa, 38, berselisih faham dengan suaminya yang semasa itu dalam keadaan mabuk.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail, berkata semasa perselisihan faham itu, suspek menuduh isterinya mempunyai hubungan dengan lelaki lain.

"Suspek kemudiannya memukul pada bahagian belakang badan dan menendang pengadu.

"Semasa kejadian, suspek juga ada mengacukan pisau ke arah pengadu dan kejadian itu disaksikan anak pasangan berkenaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Tambah beliau, pemeriksaan pegawai perubatan mengesahkan pengadu mengalami kecederaan tisu lembut pada bahagian leher.

"Susulan aduan diterima, sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Daerah Ampang Jaya menahan suami mangsa di kediaman mereka kira-kira jam 10.30 malam tadi.

"Saringan ujian air kencing mendapati suspek berusia 45 tahun negatif penyalahgunaan dadah dan tidak mempunyai rekod lampau," katanya.

Mohd Azam berkata, suspek direman tiga hari sehingga Jumaat ini untuk siasatan mengikut Seksyen 323 dan 506 Kanun Keseksaan.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MAN CHARGED WITH MOLESTING TWO GIRLS

HARI : KHAMIS

TARIKH : 16 JAN 2025

TONE : NEGATIF

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

M/SURAT : 11

SEKTOR : KPWKM

RE-MENTION ON FEB 10

## MAN CHARGED WITH MOLESTING TWO GIRLS

No plea recorded from accused as he did not understand the charge read in Bahasa Malaysia

ALIAS ABD RANI  
MUAR  
news@nst.com.my

**A** MAN from India was charged in the Sessions Court here yesterday with sexually abusing two girls at a surau in Segamat last week.

However, no plea was recorded from the accused, Shaikh Farouqe Nabisaheb, 59, as he did not understand the charge read in Bahasa Malaysia before judge Sayani Mohd Nor.

On the first count, he was charged with committing physical sexual abuse against a 10-year-old girl at 6.20pm on Jan 4 at the surau.

He was also accused of committing the same act against a 12-year-old girl at the same time, date, and location.

According to the police report lodged against the man, both victims, along with a male friend, were playing at the playground before they went to the surau to have a drink of water.

The accused, who was at the surau, approached the victims and handed them a RM1 note each.

He then took the opportunity to commit an obscene act against both victims.

However, the accused's actions were witnessed by the male friend of the victims, who then informed their parents about the incident.

Following this, the victims families lodged a report at the Segamat police headquarters and the accused was arrested on the same day.

Deputy public prosecutors Othman Afan and Diyana Najiha Muhamed Fauzi requested the court to set a date to facilitate the presence of an interpreter for



Shaikh Farouqe Nabisaheb (centre) being led to the Muar Sessions Court, yesterday. NSTP  
PIC BY ALIAS ABD RANI

the accused, who was unrepresented.

The court then set Feb 10 for re-mention. No bail was offered to the accused.

In the same court, Sayani imposed a fine of RM5,000 on a food delivery worker after he pleaded guilty to possessing pornographic material involving the sexual abuse of a minor.

The accused, a 19-year-old former vocational college student, made the plea in response to an alternative charge.

The court also ordered the accused to serve four months in prison if he fails to pay the fine.

According to the charges, the 19-year-old man was accused of possessing pornographic images and a video of a 16-year-old girl who was being sexually exploited.

The offence was committed at the investigating officer's office at the Kluang

police headquarters at 2pm on July 4.

According to the case facts, the accused met the underage girl through Telegram before they met in Dataran Kluang at 4pm on June 21 of last year.

He then took her to his home and recorded a nude video.

The next day, he demanded that the victim record another video and threatened to spread the previous one if she did not comply.

The victim, frightened by the threat, lodged a police report on July 2, and the accused was arrested at 4pm the following day at a vocational college, with his mobile phone seized.

A search of the accused's mobile phone revealed several images and videos containing explicit material, which was also confirmed in a forensic report.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Guru didakwa cabul dua pelajar lelaki

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI 15 Januari 2025, 3:59 pm



Mohamad Fuad ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen hari ini.

MELAKA – Seorang guru lelaki didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini, atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua pelajar lelaki berusia 16 tahun, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Mohamad Fuad Abd. Wahab, 33, mengaku tidak bersalah sejurus semua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah dalam dua prosiding berasingan di hadapan Hakim Rohatul Akmar Abdullah dan Hakim Haderiah Siri.

Berdasarkan kesemua kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap dua kanak-kanak lelaki.

Kesalahan itu dilakukan di antara pukul 8 pagi dan 11.30 malam di tiga lokasi berbeza iaitu di dalam bilik pengawas blok A aras satu sebuah sekolah menengah, di dalam kereta tertuduh dan di dalam bilik sebuah rumah di Batu Berendam dalam daerah Melaka Tengah pada 1 November 2022 hingga 18 September 2023.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM28,000 bagi kesemua pertuduhan berserta syarat tambahan dipohon pendakwaan dan memerintahkan lelaki itu hadir pada setiap sebutan kes.

Mahkamah menetapkan tarikh 14 Februari depan untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen. – KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : RIDER MENGAKU MILIKI GAMBAR VIDEO LUCAH DIDENDAN RM5,000

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 16 JAN 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

**Muar:** Penghantar makanan didenda RM5,000 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan memiliki bahan penganiayaan seksual remaja perempuan di Kluang, tahun lalu.

Remaja berusia 19 tahun yang juga bekas penuntut kolej kemahiran, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mahkamah juga memerintahkan tertuduh dipenjarakan empat bulan sekiranya gagal membayar denda dikenakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa memiliki bahan penganiayaan seksual kanak-kanak membabitkan beberapa keping gambar dan video lucah milik seorang remaja perempuan berusia 16 tahun.

Perbuatan itu dilakukan di pejabat pegawai penyiasat, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang pada jam 2 petang, 4 Julai lalu.

Oleh itu, tertuduh didak-

## Rider mengaku miliki gambar, video lucah didenda RM5,000



**REMAJA** yang juga penghantar makanan didenda RM5,000 kerana memiliki gambar dan video lucah seorang remaja perempuan. - Gambar NATP/ALIAS ABD RANI

wa mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes,

tertuduh didakwa mengenali mangsa melalui Telegram sebelum mereka berjumpa di dataran Kluang pada jam 4 petang, 21 Jun tahun lalu.

Selepas itu, tertuduh membawa mangsa ke rumahnya lalu merakam video bogel.

Tertuduh pada hari berikutnya meminta mangsa membuat rakaman lain. Jika tidak menuruti arahan itu, dia mengugut mahu menyebarkan.

Mangsa kemudian membuat laporan polis pada 2 Julai sebelum tertuduh ditahan pada jam 4 petang keesokan hari di hadapan sebuah kolej kemahiran dan telefon bimbitnya dirampas.

Pemeriksaan dalam telefon bimbit tertuduh menemui beberapa keping gambar dan video dengan bahan lucah terbabit turut disahkan dalam laporan forensik.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Othman Affan dan Diyana Najiha Muhamed Fauzi manakala tertuduh diwakili peguam, Nur Shuhadah Mahzan.